



Sisi negatif ledakan teknologi

Perkembangan teknologi maklumat yang begitu pesat bukan saja menyumbang kepada kemajuan pemikiran masyarakat dan pembangunan negara tetapi juga membawa kepada pelbagai kesan buruk andai disalah guna untuk kepentingan tertentu. Generasi muda dilihat antara golongan yang cukup taasub dan ketagih dengan dunia ledakan teknologi maklumat.

Permainan komputer yang dulunya hanya menjadi aktiviti suka-suka, mengisi kelapangan dan menyeronokkan kepada anak-anak kini sudah mula menjadi ancaman yang boleh merosakkan masa depan mereka. Ini ditambah pula dengan kafe siber yang tumbuh bagai cendawan terutamanya yang haram dan juga yang sering menyalahgunakan kemudahan ini untuk menawarkan pelbagai aktiviti tidak berfaedah kepada pelanggan seperti permainan komputer dan judi. Itu belum lagi kemudahan untuk melayari pelbagai laman yang memudaratkan dengan bebas.

Mutakhir ini tindakan pengusaha kafe siber yang menyediakan pertandingan permainan komputer secara liga dengan sogokan pelbagai hadiah lumayan, termasuk wang tunai yang menerapkan unsur perjudian dilihat semakin berleluasa. Apa yang lebih membimbangkan ialah golongan remaja dan pelajar sekolah menjadi mangsa dan kumpulan sasaran mereka.

Habuan wang tunai dilihat menjadi daya tarikan utama kepada golongan remaja. Dilaporkan ada remaja yang mampu menang hingga RM400 melalui pertandingan permainan komputer ini. Akibatnya ada yang sanggup ponteng sekolah dan tipu ibu bapa untuk menyertai pertandingan terbabit. Kafe siber pula dilihat sebagai tempat untuk mencari wang tunai segera dan mudah.

Malah, dilaporkan juga taktik licik pengusaha kafe siber dalam menarik golongan remaja dengan menyediakan pelbagai hadiah cabutan bertuah kepada ahli mahupun pelanggan tetap mereka. Antara kes yang menarik perhatian kita baru-baru ini ialah sikap seorang remaja berusia 15 tahun di Ipoh yang begitu ketagih permainan komputer sehingga sanggup ponteng sekolah dan berani melawan cakap ibu bapanya, juga sanggup menghabiskan masa 24 jam di kafe siber untuk berlatih dan menjadi jaguh dalam permainan ini.

Jelas ini satu budaya kurang sihat dalam masyarakat kita. Kafe

siber yang tidak bertanggungjawab seperti ini sememangnya tidak pernah serik sejak dulu lagi. Walaupun pihak berkuasa sering melakukan operasi, serbuan, rampasan dan tangkapan, termasuk menyita premis, namun ternyata mereka terus degil dan bilangan kafe siber boleh dikatakan semakin bertambah. Hal ini kerana mereka tahu permintaan terhadap kafe siber dan perkhidmatan yang ditawarkan masih tinggi dan cukup menggalakkan.

Dalam konteks ini apa yang pasti kerugian tetap memihak anak-anak kita. Faktor umur yang masih mentah dan muda menyebabkan pemikiran mereka mudah diusik dan dipengaruhi dengan sogokan seperti ini. Mereka tidak dapat berfikir dengan matang dan waras tentang hala tuju masa depan.

Bagi mereka apa yang penting ialah hadiah wang tunai lumayan yang boleh dimenangi melalui permainan komputer ini dalam tempoh singkat dengan mudah dan segera tanpa perlu mengeluarkan peluh. Golongan ini belum mampu mentafsir betapa kegiatan ini sebenarnya sudah mula menjerumuskan mereka ke aktiviti perjudian. Justeru, meletakkan kesalahan di bahu mereka semata-mata adalah tidak adil dan tidak wajar sama sekali.

Dalam hal ini peranan ibu bapa dan masyarakat cukup penting. Ibu bapa sememangnya tiada alasan dan pilihan. Mereka perlu pastikan agar mampu mengawal tindak-tanduk dan aktiviti anak-anak mereka terutamanya bagi yang masih di bangku sekolah. Itu tanggungjawab hakiki setiap ibu bapa.

Antara langkah yang boleh diambil ibu bapa ialah pastikan anak-anak di bawah umur sama ada tidak dibenarkan pergi ke kafe siber atau hadkan waktu mereka bermain permainan itu. Ini penting untuk mengelak mereka jatuh ketagih dengan permainan komputer sehingga mengabaikan persekolahan.

Dan sedarkan anak-anak tentang konsep perjudian yang dicetuskan melalui permainan komputer serta kesan dan akibat perjudian sebagai satu masalah sosial dan kesalahan jenayah yang berbahaya dan boleh mengancam masa depan mereka.

Hakikatnya sisi negatif kesan ledakan teknologi maklumat seperti ini bakal memudaratkan masyarakat jika tidak ditangani dan dibendung dengan segera.